

RANCANGAN PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG LANJUTAN (LEEP)

Program Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) ada menawarkan kursus-kursus di bawah Program LEEP. Walau bagaimana pun, yuran akan dikenakan bagi mengikuti kursus-kursus tersebut. Pelajar diberi pilihan sama ada ingin mengikuti kursus-kursus tersebut atau sebaliknya. Setiap kuliah dijalankan selama 6 jam mulai 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Semua kuliah diadakan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Butir-butir lanjut adalah seperti berikut:

Bil	KURSUS	BAYARAN	TEMPOH
1.	Pengenalan	RM 150 (1 Kuliah)	Awal Oktober setiap tahun
2.	Tambahan	RM 600 (5 Kuliah)	Awal November- Pertengahan Jun
3.	Ulangkaji	RM 250 (1 Kuliah)	Minggu ke-3 Julai



Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)

Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya



+603 7967 6504
+603 7967 6505

+603 7967 6507
+603 7967 6573

juris_eksternal@um.edu.my | jurisprudens.um.edu.my

Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens - Eksternal, Universiti Malaya

@juris_eksternal

KELAYAKAN MASUK

SYARAT UTAMA

Lulus Sijil Peperiksaan Malaysia atau setaraf dengan mendapat kepujian dalam lima (5) mata pelajaran termasuk:

- Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai; dan
- Bahasa Inggeris dan tiga mata pelajaran lain. Keputusan bagi mata pelajaran berkenaan hendaklah diperolehi dalam satu dudukan.

DAN

SYARAT WAJIB (SALAH SATU)

Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:

- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

ATAU

Lulus Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)/Asasi Institut Pengajian Tinggi Awam dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00

ATAU

Lulus A Level dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam tiga (3) mata pelajaran

ATAU

Memperoleh Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

ATAU

Memperoleh Ijazah atau kelayakan yang setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

CALON DENGAN PENGALAMAN KERJA

Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan.

DAN

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengan mendapat kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk:

- » Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai; dan
- » Dua mata pelajaran lain. Keputusan bagi mata pelajaran berkenaan hendaklah diperolehi dalam satu dudukan.

DAN

Calon dianggap sesuai dan berkebolehan untuk mengikuti program pengajian oleh Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti.

KEPERLUAN BERSYARAT

Calon hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*. Walau bagaimana pun, calon yang masih belum mencapai tahap MUET seperti yang ditetapkan boleh diterima masuk dan diwajibkan memenuhi keperluan tersebut sebelum mencapai 60 kredit semasa pengajiannya. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus untuk kredit yang berbaki sehingga mencapai tahap MUET yang ditetapkan.

SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

Kursus Wajib

- Sistem Undang-Undang Malaysia
- Undang-Undang Islam I
- Undang-Undang Perlembagaan
- Tort
- Undang-Undang Kontrak
- Undang-Undang Jenayah
- Undang-Undang Pentadbiran
- Undang-Undang Tanah
- Ekuiti, Amanah dan Pentadbiran Pusaka
- Undang-Undang Keluarga
- Jurisprudens dan Teori Undang-Undang
- Undang-Undang Syarikat
- Pengenalan Kepada Undang-Undang Antarabangsa
- Hubungan Etnik
- Tamadun Islam Tamadun Asia

Kursus Pilihan*

- Undang-Undang Islam II
- Undang-Undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia
- Undang-Undang Insurans
- Urusan-Urusan Perdagangan
- Undang-Undang Pekerjaan
- Urusan Bank dan Suratcara Niaga
- Urusniaga Tanah dan Undang-Undang Tuan Rumah dan Penyewa

*Kursus pilihan yang disenaraikan tidak semestinya ditawarkan pada setiap tahun.

TEMPOH PENGAJIAN

3 hingga 7 tahun

YURAN



PERSIAPAN PENGAJIAN

- Pengajian ini tidak mempunyai sesi pengajaran seperti pengajian undang-undang sepenuh masa.
- Pelajar dikehendaki membuat persiapan sendiri untuk pembelajaran dan tuisyen. Mereka boleh membuat persiapan sepenuhnya untuk peperiksaan dengan pengajian persendirian.
- Fakulti dari masa ke semasa boleh menyediakan kursus pendek untuk pelajar yang berminat dengan kadar yuran tertentu.

PENDAFTARAN SERENTAK

- Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma/ijazah pertama/ijazah tinggi di Universiti atau di institusi atau universiti lain.
- Walau bagaimana pun, pelajar dibenarkan mendaftar serentak dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah.
- Mana-mana pelajar yang didapati melanggar perkara di atas boleh ditamatkan dari program pengajian tanpa pembayaran balik yuran dan/atau bayaran lain yang telah dibayar.